

Kajian Terhadap  
"Loss Adjusting" Di Malaysia

P.T.A.R.

368.014  
WAN

KAJIAN TERHADAP  
"LOSS ADJUSTING" DI MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH:

1. WAN SULAIMAN WAN AHMAD
2. SALASAWATI SHARIF
3. SHARIFAH MARIAM SYED ABU BAKAR
4. SUHANA MAJID
5. SARIMAH ISMAIL
6. SITI HANINATOL MARDZIAH ASIS

DISEDIAKAN UNTUK :

CIK HABIBAH YUNUS (PENASIHAT)

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SEBAGAI MEMENUHI SYARAT UNTUK MENDAPATKAN DIPLOMA DI DALAM  
KURSUS PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN.

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SELANGOR

## PENGHARGAAN

Kami ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Penasihat kumpulan kami Cik Habibah Yunus yang telah menolong dan memberikan nasihat-nasihat yang berguna sehingga berjayanya projek ini.

Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Pengarah Insurans Malaysia yang telah bermurah hati menerima kami dan memberikan maklumat-maklumat yang berguna di dalam menyiapkan projek kami, terutamanya :-

Encik Yahaya Haji Besah

Pengarah Insurans Malaysia

Pejabat Pengarah Insurans Malaysia

Puan Maizon Omar

Pendaftar

Institut Insurans Malaysia

Ucapan terima kasih kami ucapkan kepada nama-nama yang kami sebutkan di bawah kerana telah membantu kami untuk mendapatkan maklumat-maklumat.

## ISI KANDUNGAN

m/s

### BAB 1

1.1	Pendahuluan	2 - 4
1.1.1	Jangkamasa menyelesaikan suatu tuntutan	4 - 5
1.1.2	Hubungan "Loss adjuster" dan bahagian tuntutan	6 - 7
1.2	Latarbelakang penyelidikan	7
1.3	Penyata masalah	8 - 9
1.3.1	Masalah utama	
1.3.2	Masalah tambahan	
1.4	Matlamat	10 - 11
1.5	Methodologi	11 - 14
1.5.1	Data utama	
1.5.2	Data kedua	
1.5.3	Analisa	
1.6	Andaian / anggapan	14
1.7	Skop dan batasan kajian	15 - 19
1.7.1	Skop	
1.7.2	Batasan kajian	
1.8	Kajian Bahar	

## 1.1 PENDAHULUAN

"Loss adjuster" adalah merupakan salah satu bahagian yang penting di dalam industri insuran. Tugas sebagai seorang "loss adjuster" memerlukan keupayaan dalam perundingan, kecekapan di samping kemahiran di dalam bidang teknikal dan juga undang-undang. Di dalam industri insurans di Malaysia pertubuhan "loss adjuster" merupakan satu badan yang baru saja ditubuhkan. Badan "loss adjusting" ditubuhkan oleh M.S. Ritchie dan Bisset, M/S Herning dan Company (dikenali sebagai Carleb Brett) pada awal tahun 50an. Di Malaysia firma "loss adjusting" yang bertaraf antarabangsa yang pertama ialah M/S Graham Miller yang mana ianya ditubuhkan pada awal tahun 70an.

Setakat ini terdapat 53 buah firma "loss adjusting". Untuk penubuhan sesebuah firma "loss adjusting", DGI atau "Director General Of Insurance" ialah badan yang bertanggungjawab atau berkuasa untuk memberikan lesen. Setiap firma "loss adjusting" yang diberi lesen secara otomatis menjadi ahli AMLA (Association Malaysia Loss Adjuster), dan dikehendaki membayar yuran tahunan serta menghantarkan lapuran kepada pihak DGI mengenai setiap penilaian yang telah dibuat.